



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**Mempromosi Amalan Perniagaan yang Beretika dan
Jualan dan Promosi yang Telus semasa Brunei *Salebration* (BSb) 2025**

1. Operasi bersepadu baru-baru ini yang dijalankan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) menekankan kepentingan amalan jualan dan promosi yang beretika. Peserta BSb 2025 diingatkan untuk menjalankan jualan yang benar dengan terma dan syarat yang jelas dan telus bagi memastikan pengguna tidak terpedaya atau keliru semasa membuat keputusan pembelian. Pendekatan ini mengukuhkan komitmen dalam memupuk kepercayaan diantara peniaga dan pengguna.
2. Operasi ini bukan sahaja memastikan kepatuhan ke atas Peraturan Acara Harga Jualan Murah, tetapi juga menguatkuasakan Peraturan-Peraturan di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142 dan Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggal 151). Peraturan-Peraturan ini memainkan peranan penting dalam menjaga kepentingan pengguna dan dalam mengekalkan amalan perniagaan yang wajar.
3. Semasa operasi berkenaan, sebuah premis perniagaan didapati menjual susu tepung formula anak damit melebihi harga maksimum yang ditetapkan, manakala dua (2) buah premis perniagaan tidak mempamerkan tanda harga dengan jelas. Oleh itu, sebanyak dua (2) kompaun masing-masing berjumlah \$500 dikenakan kepada syarikat Milimewah Department Store Sdn Bhd dan Haji Mohammad Bakir Jaya Sdn Bhd, dan satu (1) Notis Amaran dikeluarkan.
4. Sementara itu, pihak Unit Sukatan dan Timbangan (SDT) telah mendapati tujuh belas (17) unit alat sukat dan timbang digunakan semasa operasi berkenaan dan didapati satu (1) unit alat gagal mematuhi Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggal 151) iaitu menggunakan alat sukat dan timbang yang telah mansuh tempoh kebenaran pendaftaran yang dibenarkan. Pihak SDT telah mengeluarkan Notis Penyitaan dan alat tersebut telah disita. Dalam pada itu, pihak syarikat dikehendaki hadir ke Pejabat Unit SDT mengikut tadahan alat didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari waktu bekerja dari tarikh notis dikeluarkan bagi memperbetulkan isu berkenaan.

5. JPES dan Unit SDT secara berterusan menekankan kepentingan strategi jualan yang beretika dan telus. Peniaga disarankan untuk mengutamakan kejujuran dan maklumat yang jelas dalam aktiviti promosi mereka untuk meningkatkan keyakinan dan kepuasan pengguna disamping menyokong pasaran yang wajar untuk semua. Selain itu, premis perniagaan perlu memastikan alat sukat dan timbangan yang digunakan semasa aktiviti jual beli mempunyai pelekat pendaftaran dengan tempoh penggunaan yang masih sah.
6. Pemeriksaan bersepadu ini adalah aktiviti penguatkuasaan bulanan diantara JPES melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna bersama Unit SDT di bawah Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi. Operasi bersepadu bulanan bagi bulan Januari 2025 melibatkan premis-premis perniagaan di kawasan Seria, Daerah Belait.
7. Sebarang pertanyaan lanjut boleh disalurkan melalui saluran rasmi seperti berikut:
 - i. Akta Kawalan Harga, Penggal 142 : Jabatan Hal Ehwal Pengguna, JPES melalui Talian Darussalam 123, aplikasi PenggunaBijak dan emel aduanpengguna@jpes.gov.bn; dan
 - ii. Akta Sukatan dan Timbangan 1983 (Penggal 151) : Unit SDT, Bahagian Industri dan Ekosistem Perniagaan melalui emel sdt@mofe.gov.bn atau talian 2334092.

#####

Disediakan oleh:
Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik
Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (41)JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Tarikh : 28 Rejab 1446 / 28 Januari 2025



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

**Promoting Ethical Business Practices and Transparent Sales and Promotion
during Brunei *Sale*bration (BSb) 2025**

1. The recent joint operation conducted by the Department of Economic Planning and Statistics (DEPS) emphasized the critical importance of ethical sales and promotional practices. BSb 2025 participants were reminded to conduct genuine sales with clearly defined and transparent terms and conditions, ensuring consumers are not misled or confused when making purchase decisions. This approach reinforces the commitment to fostering trust between businesses and consumers.
2. The operation served not only to ensure compliance with the Cheap Sale Price Event Regulations but also to enforce related provisions under the Price Control Act, Chapter 142, and the Weights and Measures Act 1983 (Chapter 151). These regulations play a vital role in safeguarding consumer interests and maintaining fair trade practices.
3. During the operation, one business premise was found selling formulated powdered infant milk above the maximum price, while two others failed to clearly display price labels. Consequently, compounds of \$500 each were issued to Milimewah Department Store Sdn Bhd and Haji Mohammad Bakir Jaya Sdn Bhd for violations, while one Warning Notice was issued.
4. Meanwhile, the Weights and Measures Unit (SDT) has found seventeen (17) units of measuring and weighing instruments during the operation. One (1) unit of the instrument failed to comply with the Weights and Measures Act 1983 (Chapter 151), using an expired permitted registration period. The SDT has issued a Seizure Notice, and the weighing instrument has been confiscated. The business is required to report to the Weights and Measures Unit Office within seven (7) working days from the date of the issued notice.

5. DEPS and SDT continue to emphasize the importance of ethical and transparent sales strategies. Businesses are urged to prioritize clarity and honesty in their promotional activities to enhance consumer confidence and satisfaction while supporting a fair marketplace for all. Additionally, businesses should ensure their weight and measure tools and equipment used for trading purposes are registered with SDT and still valid for use, not expired.
6. The joint operation is a monthly enforcement activity between DEPS through the Department of Consumer Affairs and SDT under the Industry and Business Ecosystem Division in the Ministry of Finance and Economy. The monthly joint operation for January 2025 covered business premises in Seria, Belait District.
7. Any inquiries on the related issues can be reported to the following official channels;
 - i. Price Control Act, Chapter 142 : Department of Consumer Affairs, DEPS through Talian Darussalam 123, PenggunaBijak app and email consumercomplaint@jpes.gov.bn; and
 - ii. Weights and Measures Act 1983 Chapter 151 : SDT, Industry and Business Ecosystem Division through email sdt@mofe.gov.bn or contact 2334092.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (41)JPES/CAD/AKTA/Pt.12
Date : 28 Rejab 1446 / 28 January 2025